

1975

KUALA LUMPUR, 21 FEB. (BERNAMA) - MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI, RANCANGAN MENGGALAKAN MURID-MURID BERBUDUK TANAM DI KAWASAN SEKOLAH BUKANLAH BERTUJUAN UNTUK DIPERNIAGAKAN.

IA HANYALAH UNTUK MELATIH MURID-MURID SUKA BERBUDUK TANAM DI KAWASAN RUMAH MASING-MASING SUPAYA DAPAT MENGELUARKAN SAYOR-SAYORAN UNTUK KEPERLUAN SENDIRI, TAMBAHNYA.

BELIAU MENERANGKAN JIKA HASIL TANAMAN MURID-MURID DIJUAL, INI AKAN MENYUSAHKAN GOLONGAN PENIAGA.

DR. MAHATHIR MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM SATU MAJLIS DIALOG DENGAN GURU-GURUBESAR, PENGHULU, KETUA KAMPUNG DAN KETUA CAWANGAN-CAWANGAN UMNO DALAM DAERAH KUALA SELANGOR DI SEKOLAH MENENGAH DATO HARUN DI TANJUNG KARANG, SELANGOR.
-- BERSAMBUNG 1527/A1

586:
MAHATHIR-BUKU HIJAU 2 KUALA LUMPUR

DI PASIR PUTEH, KELANTAN: BEBERAPA PROJEK PERTANIAN AKAN DIJALANKAN OLEH PENDUDUK-PENDUDUK KAMPUNG TANGGOL UNTUK MENJAYAKAN RANCANGAN BUKU HIJAU.

ANTARA PROJEK YANG AKAN MEREKA USAHAKAN IALAH MENANAM TEMBAKAU DI KAWASAN SELUAS 62 EKAR, KACANG TANAH 35 EKAR DAN NENAS SELUAS KIRA-KIRA LAPAN EKAR.

PROJEK-PROJEK ITU DITAJA OLEH JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) PASIR PUTEH, KATA SETIAUSAHA KEMAS PASIR PUTEH, ENCIK RAMLI BIN AHMAD HARI INI.

KATANYA, KIRA-KIRA 300 ORANG PETANI DI SITU AKAN JUGA MEMILIHARA IKAN AIR TAWAR DI DUA BUAH KOLAM.

KEMAS DAERAH JUGA AKAN MENGANJURKAN PERTANDINGAN RUMAH SEMPURNA. SEBANYAK 100 BUAH RUMAH AKAN MENYERTAI PERTANDINGAN ITU.

DI MACHANG: SETIAUSAHA GERAKAN BELIA 4B DAERAH INI, ENCIK YUSOF ISHAK BERKATA GERAKANNYA AKAN MENITEK BERATKAN PROJEK-PROJEK EKONOMI BAGI MENJAYAKAN GERAKAN BUMI JAYA.

PADA MASA INI, GERAKAN ITU SEDANG MENJALANKAN PROJEK MENTERNAK LEMBU, MEMILIHARA IKAN AIR TAWAR DAN ITEK. -- BERSAMBUNG 1533/A1

587:
MAHATHIR-BUKU HIJAU 3 KUALA LUMPUR

DI TELUK ANSON, PERAK: JAWATANKUASA KEMAJUAN KAMPUNG BATAK RABIT, DEKAT SINI, AKAN MENGANJURKAN PERTANDINGAN BERKEBUN SAYOR DI KAWASAN KELILING RUMAH PENDUDUK-PENDUDUK DI SITU.

TUJUAN PERTANDINGAN INI IALAH UNTUK MENGGALAKAN PENDUDUK BERBUDUK TANAM DI KAWASAN KELILING RUMAH MEREKA DALAM MENJAYAKAN RANCANGAN BUKU HIJAU, KATA SETIAUSAHANYA, ENCIK TANGCIK BIN MOHD YATIM HARI INI.

HADIAH-HADIAH WANGTUNAI DISEDIAKAN BAGI PERTANDINGAN ITU YANG AKAN DIHAKIMKAN PADA BULAN MEI.

KATANYA, SEBUAH JAWATANKUASA JEMAAH HAKIM YANG DIKETUAI OLEH PEGAWAI DAERAH HILIR PERAK TELAH DILANTIK BAGI PERTANDINGAN TERSEBUT.

DI TAIPING, SEBUAH KOLAM IKAN AIR TAWAR AKAN DIBINA OLEH JAWATANKUASA KEMAJUAN KAMPUNG BATU HAMPAR DI DAERAH LARUT-MATANG.

SEORANG JURUCAKAPNYA BERKATA, JABATAN PERIKANAN AKAN MEMBERI 5,000 ANAK IKAN UNTUK PROJEK TERSEBUT. -- BERSAMBUNG 1536/A1

588:

MAHATHIR-BUKU HIJAU 4 KUALA LUMPUR

DI SELAMA, AHLI-AHLI UMNO DI SELURUH BAHAGIAN LARUT DIGESA MENGUSAHAKAN TANAH-TANAH KOSONG UNTUK MENOLONG MENJAYAKAN RANCANGAN BUKU HIJAU.

SERUAN ITU DIBUAT OLEH AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI KAWASAN SELAMA, ENCIK ABDUL AZIZ BIN HAJI AHMAD.

KATANYA, KERAJAAN MEMBERI BERBAGAI KEMUDAHAN SEPERTI BANTUAN BAJA, BENIH BAGI MENJAYAKAN RANCANGAN ITU.

DI GRIK, PERSATUAN BELIA KAMPUNG RABAN DEKAT LENGGONG AKAN MENGUSAHAKAN TANAH SELUAS 19 EKAR DENGAN TANAMAN KACANG TANAH, PISANG DAN TERONG DIBAWAH PROJEK BELIA PELADANG.

PEGAWAI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAERAH, ENCIK A. SELVARATNAM BERKATA, PROJEK ITU AKAN DIJALANKAN SECARA GOTONG ROYONG.

DI KUALA KANGSAR, SEBANYAK 30 BUAH PERSATUAN BELIA DI DAERAH INI TELAH MELANCARKAN BERBAGAI PROJEK BAGI MENJAYAKAN GERAKAN BUMI JAYA.

ANTARA PROJEK ITU JALAH MENANAM PISANG, KACANG TANAH, UBIKAYU DAN SAYOR-SAYORAN, KATA PEGAWAI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAERAH, ENCIK TAJUL HAKMA BIN TAJUDDIN. --
BERSAMBUNG 1540/AI

589:

MAHATHIR-BUKU HIJAU 5 KUALA LUMPUR

DI KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN, PERSATUAN BELIA LANJUT MATI DI KAMPUNG SUNGKAK SEDANG MENGUSAHAKAN BEBERAPA PROJEK BAGI MENAMBAH PENGELUARAN MAKANAN.

SETIAUSAHANYA, ENCIK ABDUL KUDUS BIN YAAKUB BERKATA, SAYOR-SAYORAN DAN LADA YANG DITANAM OLEH PERSATUAN TELAH PUN MULA MENGELUARKAN HASIL.

PERSATUAN SEKARANG, KATANYA, SEDANG MEMBUAT PERSIAPAN BAGI MENJALANKAN PROJEK MEMILIHARA IKAN AIR TAWAR DAN MENTERNAK AYAM.

MENURUTNYA, FAMA TELAH BERSETUJU MEMBEKALKAN 50 EKOR ANAK AYAM SEBULAN MULAI BULAN DEPAN UNTUK PROJEK AYAM ITU.

-- BERNAMA 1543/AI